

30/11/2003

Kejutan Mahathir cincin & subang berlian buat Anita

Hanizam Abdullah

ANITA Sarawak pernah hidup susah. Barangkali itulah sebabnya dia bekerja begitu keras untuk mengubah kehidupannya. Baginya, nasib seseorang itu hanya boleh diubah jika diri sendiri memilih untuk mengubahnya.

Justeru, dia memperjudikan nasib ke Las Vegas, Amerika Syarikat. Berbekalkan bakat, keyakinan dan disiplin yang tinggi, Anita merantau dan akhirnya berjaya menjadi penghibur di Caesar's Club di kota penuh cabaran itu.

Sejak itu juga Anita tidak pernah menoleh ke belakang lagi. Baginya tidak sia-sialah hidupnya mendambakan diri di bidang seni. Bakat Anita diuji dan akhirnya dikagumi. Orang kata, kisah selanjutnya adalah sejarah. Semua orang tahu bahawa Anita adalah antara penghibur yang evergreen dan versatile.

Gaya dan persembahannya tidak pernah mengecewakan. Dia ternyata seorang penghibur semula jadi. Gaya bersahaja ketika membuat persembahan berjaya memikat dan memukau penonton.

Anita juga terkenal sebagai seorang wanita yang tidak kekok untuk bergaya seksi. Seseekali menjenguk peminat di Malaysia, kemunculannya sentiasa saja dinanti. Apa pula gaya dan fesyen Anita kali ini? Paling ketara adalah rambutnya. Anita tidak pernah takut untuk menukar fesyen rambutnya.

Beberapa tahun dulu Anita pernah menggayakan rambut yang dipotong pendek di dahi. Tetapi sudah namanya Anita Sarawak, fesyen rambut itu juga nampak sesuai dengannya.

Pertemuannya dengan seorang lelaki Inggeris yang bernama Martin Cox mengubah segala-galanya. Kini, setelah berkahwin dan Martin pun sudah menukar namanya kepada Mohamad Mahathir Abdullah, Anita sudah tidak mahu lagi bergaya seksi. Dia juga agak keberatan untuk bersalaman dengan lelaki yang bukan muhrimnya.

"Beginilah Kak Nita. Selesa dengan pakaian yang tutup macam ini. Rambut pun sudah dipotong pendek. Ala dah tua-tua ni senang berambut pendek," katanya ketika berpeluang minum teh bersama pasangan itu Hotel JW Marriot suatu petang menjelang Ramadan.

"Cukuplah bergaya seksi. Kak Nita dah puas dah," katanya lagi. Pertemuan penuh santai itu turut dihadiri pemilik LaPutri, Ying-Li Goh dan suaminya Michael English serta Ketua Unit i-Kon, Roslen Fadzil.

"Ini bukan kerja ya... Kak Nita dan Abang Mahathir saja hendak jumpa Hanizam dan Roslen. Tak payah interview dan buat cerita. Pertemuan among friends," katanya beberapa hari sebelum pertemuan itu.

Perbualan banyak berkisar mengenai rancangan masa depannya yang ketika ini dia masih belum bersedia untuk dikongsi dengan pembaca Bintang Popular. Bagaimanapun, Anita memang bukan jenis yang suka duduk diam. Ada saja perkara yang mahu dilakukan.

Barangkali kehidupan Anita lebih teratur dan bermakna dengan kehadiran Mahathir di sisi. Seperti yang semua sedia maklum Anita yang sudah mengikat perjanjian dengan KRU Music Group (KMFG) baru saja selesai merakamkan album terbarunya bertajuk Saxis.

"Segala-galanya berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Kak Nita kini sudah menetap di Kuala Lumpur. Lebih mudah begini kerana banyak kerja yang harus dibereskan di Kuala Lumpur ini.

"Kak Nita gembira kerana program terbitan Astro Bersama Anita akan diteruskan. Alhamdulillah program itu mendapat sambutan penonton. Sekarang

ini kami sibuk membuat persiapan untuk menerbitkan filem Takdir. Skripnya sudah siap dan kami dalam proses untuk mencari pelakon yang sesuai. Tunggalah, tiba masa sesuai kami akan umumkan pelakonya," katanya.

Paling menggembirakan Anita ialah kerajaan Singapura turut memberi sokongan kepada filem sulungnya yang akan memulakan penggambaran pada Februari tahun depan di sekitar Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang.

"Seperkara lagi, semua barang kemas yang akan dipakai dalam filem ini akan direka oleh La Putri," katanya.

Ying yang sejak tadi mendiamkan diri tiba-tiba mengeluarkan satu kotak disaluti kain baldu hitam yang kelihatan begitu eksklusif sekali.

"Sebenarnya, Mahathir ada sesuatu yang begitu istimewa untuk Anita," kata Ying sambil menyerahkan kotak itu kepada Mahathir yang melemparkan senyum penuh makna kepada isterinya itu.

Kotak hitam diserahkan kepada Anita lalu dibuka. Dia jelas nampak terkejut dan begitu terharu apabila yang terpampang di depan mata adalah sebutuk cincin bertatahkan berlian yang begitu indah reka bentuk dan ukirannya serta sepasang subang berlian yang memancar-mancar sinarnya.

Mengiringi hadiah mewah itu adalah sebuah puisi ciptaan Mahathir khas untuk isteri yang dicintainya bertajuk The Gift Of A Gem. Anita turut mendeklamasikan bait-bait puisi yang ternyata lahir daripada seseorang yang begitu menyayanginya.

"Nita rasa macam bermimpi. Terima kasih Bang," kata Anita yang jelas begitu terharu dengan pemberian berharga itu sambil memberi kucupan manis dan manja di pipi Mahathir. Dia juga tidak sudah-sudah membelek cincin yang sungguh istimewa itu.

"Kak Nita tak boleh tidur malam ni... Dah agak dari awal ada sesuatu kejutan dari Abang Mahathir tetapi tak sangka pula cincin dan subang berlian ini," katanya sambil menyarungkan cincin di jari halusnyanya dan mengenakan subang berlian yang hanya sesuai untuk seorang diva seperti Anita.

"Saya ingin menjadikan dia seperti Elizabeth Taylor Asia," kata Mahathir apabila ditanya tujuan pemberian hadiah istimewa itu.

"Itu satu tanda terima kasih saya kepadanya dan juga untuk menghargai kerja keras Anita sejak dulu, kini dan selamanya. Ia juga adalah hadiah sempena kedatangan Aidilfitri," katanya.

Berapa harganya?

"Rahsia! Saya sudah berjanji kepada Mahathir untuk merahsiakan harganya daripada sesiapa pun termasuk Anita sendiri. Tetapi bolehlah kalau hendak beli sebuah rumah," jawab Ying selamba.

Bertuahnyanya wanita bernama Ithnaini atau lebih dikenali sebagai Anita Sarawak!